



Ruj Kami : KDN.K.R.600-5/1/1 JLD.9(4)

Tarikh : 16 Disember 2021

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian**

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan**

**Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri**

**Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan**

**Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan**

**Semua Penghuni Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan**

**ARAHAN KESELAMATAN JAWATANKUASA PUSAT SASARAN  
PENTING**

**BIL. 1 TAHUN 2021**

**ARAHAN KESELAMATAN BERHUBUNG PELAKSANAAN TAPISAN  
KESELAMATAN DI SASARAN PENTING DAN KAWASAN  
LARANGAN TEMPAT LARANGAN MELALUI PENGGUNAAN  
SISTEM e-VETTING**

**TUJUAN**

Arahan Keselamatan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang pelaksanaan tapisan keselamatan kepada penghuni Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan termasuk semua

pegawai/kakitangan sektor awam dan swasta yang bertugas di sesuatu Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan melalui penggunaan Sistem e-Vetting.

2. Tapisan keselamatan adalah satu proses yang dapat membantu menentang kegiatan-kegiatan subversif, espionaj, sabotaj dan keganasan sama ada dari dalam atau luar negara. Proses ini juga mampu mengenal pasti kelemahan keperibadian pegawai awam, komuniti keselamatan termasuklah mereka yang berurusan dengan mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan kepada Kerajaan di instalasi Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan serta pihak-pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam sama ada dari dalam atau luar negara. Penghuni Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan perlu melaksanakan langkah-langkah kawalan Keselamatan Perlindungan bagi menjamin keselamatan instalasi dan premis tersebut.

## **LATAR BELAKANG**

3. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) adalah menjadi kuasa pusat mengenai dasar dan pengurusan tapisan keselamatan. Berdasarkan Arahan Tetap Sasaran Penting, Lampiran D1 Para 9 menyatakan bahawa semua pegawai/kakitangan sektor awam dan swasta yang bertugas di sesuatu Sasaran Penting hendaklah menjalani tapisan keselamatan.

4. Semua urusan tapisan keselamatan hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan. Tapisan keselamatan dijalankan melalui kerjasama strategik bersama Polis DiRaja Malaysia

(PDRM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

## TAFSIRAN

5. Bagi maksud pemakaian pekeling ini:

**“Kawasan Larangan”** ertinya mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan larangan di bawah Seksyen 4, Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [Akta 298];

**“Penghuni”** orang yang menghuni Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan atau yang berkuasa menjaga, menyelenggara, mengurus atau mengawalinya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seseorang yang lain;

**“Sasaran Penting”** termasuklah apa-apa jua pemasangan dan aset yang hasil keluaran atau perkhidmatannya adalah sangat penting dan sekiranya berlaku kemusnahan atau kerosakan akan menyebabkan kerugian yang amat besar kepada ekonomi, pertahanan atau keselamatan negara atau menjejaskan fungsi Kerajaan dan imej negara;

**“Setiausaha JPSP”** adalah Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan Tetap Sasaran Penting;

**“Setiausaha JSPN”** adalah Pengarah Keselamatan Kerajaan di Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Cawangan Negeri

sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan Tetap Sasaran Penting; dan

“Tempat Larangan” mana-mana premis yang diisytiharkan di bawah seksyen 5, Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [Akta 298].

## **TANGGUNGJAWAB PENGHUNI SASARAN PENTING, KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN BERKENAAN TAPISAN KESELAMATAN**

6. Bagi pelaksanaan tapisan keselamatan yang berkesan, penghuni Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan hendaklah memastikan semua pegawai/kakitangan sektor awam dan swasta yang bertugas di sesuatu Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan menjalani tapisan keselamatan melalui penggunaan Sistem e-Vetting.

### **TAPISAN KESELAMATAN**

7. Jenis tapisan keselamatan yang akan dilaksanakan terhadap semua pegawai/kakitangan sektor awam dan swasta yang bertugas di Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan adalah **Tapisan Keselamatan Kasar**.

8. Tempoh sah laku sesuatu keputusan tapisan keselamatan adalah dalam tempoh lima (5) tahun daripada tarikh dikeluarkan. Tapisan Keselamatan Semula hendaklah dilaksanakan selepas lima (5) tahun keputusan tapisan keselamatan dikeluarkan atau mengikut keperluan

keselamatan semasa bagi menjamin keutuhan dan integriti seseorang individu sepanjang perkhidmatannya di Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan.

## **PELAKSANAAN TAPISAN KESELAMATAN SECARA ATAS TALIAN (e-VETTING)**

9. Semua proses tapisan keselamatan akan dilaksanakan secara atas talian menggunakan Sistem e-Vetting. Bagi memastikan kelancaran penggunaan Sistem e-Vetting, penghuni Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan perlu melantik sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian Keselamatan atau mana-mana bahagian lain yang berkaitan yang berperanan sebagai **Pengesah Jabatan**.

10. Pengesah Jabatan berperanan untuk menyemak, membuat pengesahan ke atas permohonan dan seterusnya memajukan permohonan tapisan keselamatan tersebut kepada CGSO untuk diproses sehingga keputusan tapisan keselamatan diperolehi. Pengesah Jabatan juga perlu memastikan keputusan tapisan keselamatan yang diterima direkodkan.

## **PENGECUALIAN DAN PEMBATALAN TAPISAN KESELAMATAN**

11. Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan boleh mempertimbangkan pengecualian tapisan keselamatan bagi mereka yang telah menjalani tapisan keselamatan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh keputusan tapisan keselamatan terakhir yang diperolehi.

12. Keputusan tapisan keselamatan yang telah dikeluarkan boleh dibatalkan jika didapati maklumat yang diberikan dalam proses tapisan keselamatan adalah palsu. Pembatalan keputusan tapisan keselamatan yang telah dikeluarkan perlu dirujuk semula kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan. Seseorang yang telah lulus tapisan keselamatan tetapi kemudiannya keputusan itu dibatalkan dianggap sebagai telah gagal tapisan keselamatan.

## **PERHUBUNGAN**

13. Keterangan lanjut berkaitan Arahan Keselamatan ini dan pelaksanaan tapisan keselamatan melalui Sistem e-Vetting hendaklah dirujuk kepada Bahagian Keselamatan Personel, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia seperti di alamat berikut:

**Bahagian Keselamatan Personel  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 2, Blok SP7  
Kompleks Setia Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya**

## **PEMAKAIAN**

14. Penghuni Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan hendaklah mematuhi Arahan Keselamatan Berhubung Pelaksanaan Tapisan Keselamatan Di Sasaran Penting, Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan Melalui Penggunaan Sistem e-Vetting

yang berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama Arahan Tetap Sasaran Penting.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ**

Ketua Setiausaha,

Kementerian Dalam Negeri

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting

s.k

**YBHG. TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI**

Ketua Setiausaha Negara

Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

## **Senarai Edaran Ketua Setiausaha Kementerian:**

1. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri,  
Tingkat 28, Menara MITI,  
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,  
50480 KUALA LUMPUR.
2. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan Malaysia,  
Tingkat 5, Wisma Pertahanan,  
Jalan Padang Tembak,  
50634 KUALA LUMPUR.
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kerja Raya,  
Tingkat 1-14, Kompleks Kerja Raya,  
Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 KUALA LUMPUR.
4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
Persiaran Perdana, Presint 2,  
62592 PUTRAJAYA.
5. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Blok E8, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 PUTRAJAYA.
6. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengangkutan Malaysia,  
Aras 9, No.26,  
Jalan Tun Hussein, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 PUTRAJAYA.



7. Ketua Setiausaha  
Kementerian Alam Sekitar dan Air,  
Blok F11, Kompleks F,  
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62000 PUTRAJAYA.
8. Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Manusia,  
Aras 9, Blok D3, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 PUTRAJAYA.
9. Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan,  
Menara Seri Wilayah, Aras G-7 Blok 2,  
Jalan P2A, Presint 2,  
62100 PUTRAJAYA
10. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat,  
No 55, Persiaran Perdana Presint 4,  
62100 PUTRAYAJA.
11. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi  
No. 2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5,  
62200 PUTRAJAYA
12. Ketua Setiausaha  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli,  
Aras 17, Wisma Sumber Asli,  
No. 25, Persiaran Perdana,  
Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62574 PUTRAJAYA.
13. Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri,  
Blok D1, D2 & D9, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran, Kerajaan Persekutuan,  
62546 PUTRAJAYA.

14. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Blok E1, E3, E6, E7 & E10, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA.
15. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan,  
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani,  
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62624 PUTRAJAYA.
16. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar,  
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 PUTRAJAYA.
17. Ketua Setiausaha  
Kementerian Luar Negeri,  
Aras 3, Wisma Putra,  
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62602 PUTRAJAYA.
18. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
Aras 11 (Menara),  
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62623 PUTRAJAYA.
19. Ketua Setiausaha  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia,  
Aras 35, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
2100 PUTRAJAYA.

20. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan,  
No. 51, Persiaran Perdana,  
Presint 4,  
62100 PUTRAJAYA.
21. Ketua Setiausaha  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi,  
Aras 6, Blok C5, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62662 PUTRAJAYA.
22. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi,  
Blok E4/5, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62668 PUTRAJAYA.
23. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi,  
Aras 10, No. 15, Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62654 PUTRAJAYA.
24. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia,  
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6,  
Presint 5,  
62200 PUTRAJAYA
25. Ketua Setiausaha  
Kementerian Belia dan Sukan,  
Aras 15, Menara KBS,  
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62570 PUTRAJAYA.
26. Timbalan Ketua Setiausaha Kanan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Setia Perdana 8, Kompleks Setia Perdana,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 PUTRAJAYA.

**Edaran Urus Setia Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri:**

1. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Negeri Sabah  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 6, Blok A  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu  
Sabah.
2. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Negeri Kelantan  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 4, Bangunan KWSP, Jalan Padang Garong  
15000 Kota Bharu  
Kelantan.
3. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Negeri Selangor  
Jabatan Perdana Menteri  
Tingkat 3, Podium Utara  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40000 Shah Alam  
Selangor.
4. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Negeri Sarawak  
Tingkat 3, Bangunan Marzuki  
Lot 1656, Seksyen 65, Jalan Tun Haji Abdul Rahman Yaakub  
Petrajaya 93050 Kuching  
Sarawak.
5. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Negeri Johor  
Jabatan Perdana Menteri  
P.O. Box 55, Tingkat 5, Bangunan KWSP  
Jalan Dato' Dalam, 80000 Johor Bahru  
Johor.

6. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Perak  
Tingkat Bawah Blok C, Bangunan Persekutuan Perak  
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,  
Greentown 30450 Ipoh  
Perak.
7. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Terengganu  
Jabatan Perdana Menteri  
Bangunan Tabung Haji/Agro Bank  
Tingkat 5, No 160 Jalan Sultan Ismail  
20200 Kuala Terengganu  
Terengganu.
8. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 2, Setia Perdana 7  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Putrajaya
9. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Wilayah Persekutuan Labuan  
Jabatan Perdana Menteri  
No.7 (A1), Tingkat 7, Blok 4  
Kompleks Ujana Kewangan Labuan  
87000 Wilayah Persekutuan Labuan
10. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Negeri Perlis  
Jabatan Perdana Menteri  
Tingkat 5, Bangunan Persekutuan Kangar  
Persiaran Jubli Emas  
01000 Kangar  
Perlis.

11. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Negeri Pulau Pinang  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 4, Bangunan Persekutuan  
Jalan Anson  
10400, Georgetown  
Pulau Pinang
  
12. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri  
Pahang  
Jabatan Perdana Menteri  
B-8028 Tingkat 2, Sri Kuantan Square  
Jalan Teluk Sisek  
25000 Kuantan  
Pahang
  
14. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Negeri Melaka  
Jabatan Perdana Menteri  
Tingkat 14, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya  
75450 Air Keroh  
Melaka.
  
15. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Negeri Sembilan  
No.D10, Tingkat 2, Bangunan Akhma  
Persiaran Utama S2-1, Seremban 2  
70300 Seremban  
Negeri Sembilan

16. Pengarah Keselamatan Negeri  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Negeri Kedah  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 6, Zon B, Wisma Persekutuan  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Bandar Sultan Muazam Shah  
06550 Alor Setar  
Kedah

(Semua Setiausaha Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri)

- Dipohon untuk memanjangkan perkara ini supaya dapat diambil tindakan oleh Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri/ Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan/ Pemilik/Penghuni Sasaran Penting Negeri masing-masing.